

Peserta Kursus 2/2006 berdialog dengan Menteri Pengajian Tinggi

Oleh: JULIE, PEJABAT PENDAFTAR

PUTRAJAYA: Seramai 35 orang peserta Kursus Induksi 2/2006 (Kumpulan Pengurusan & Profesional) berpeluang melawat dan hadir di Dewan Parlimen sewaktu hari kedua persidangan Parlimen berlangsung baru-baru ini.

Peluang keemasan tersebut menjadi kenangan lebih manis kepada peserta apabila turut berkesempatan bertemu, duduk semeja dan berdialog dengan Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Mustapha Mohamed dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, YB Datuk Adham Baba.

Para peserta diberi peluang untuk mengajukan beberapa persoalan mengenai isu semasa kepada Menteri dan Setiausaha terutama tentang kenaikan harga minyak baru-baru ini. Para peserta bukan sahaja diberikan penerangan panjang lebar tentang kenaikan harga bahan bakar tersebut, malah turut dibekalkan brosur lengkap mengenainya.

Selain daripada itu, para peserta juga diberikan penerangan yang jelas tentang matlamat Kementerian pada masa ini yang berhasrat untuk membuka pintu bagi memudahkan komunikasi dua hala berlaku bagi memudahkan penyaluran maklumat terkini.

Datuk Mustapha menyentuh isu permohonan kemasukan pelajar ke universiti secara 'on-line', yang menyukarkan permohonan pelajar luar bandar kerana jurang digital masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Oleh itu alternatif lain sedang diusahakan.

Isu penghantaran pelajar ijazah pertama ke luar negara juga telah menjadi topik perbincangan di mana kerajaan pada masa ini terpaksa mengurangkannya kerana tidak



Perjumpaan bermakna bersama Menteri Pengajian Tinggi dan Setiausaha Parlemen.

mampu menanggung kos pengajian yang semakin tinggi terutama di negara-negara Barat seperti Amerika, Britain, German, Kanada dan Scotland. Penghantaran masih dilakukan tetapi hanya terhad sekitar 2,500 orang sahaja serta tertumpu di dalam bidang-bidang yang kritikal dan perlu sahaja

Perkongsian hospital dengan universiti juga memberi bebanan kepada doktor yang bertindak sebagai pensyarah kerana masih terikat dengan tugas merawat pesakit sehingga menjelaskan tumpuan mereka untuk memberi konsentrasi kepada bidang pengajaran bagi melahirkan graduan di dalam bidang perubatan.

AUKU juga turut diberikan penerangan dan menurut Datuk Mustapha, universiti masih ada kuasa autonomi tetapi tidak sepenuhnya kerana dasarnya masih dipantau oleh Kementerian memandangkan peruntukan IPTA masih menjadi tanggungan kerajaan.

Harapan tinggi Kementerian agar semua

pegawai universiti terutama pegawai yang baru dilantik agar menjadikan kualiti sebagai teras di dalam segala aspek bagi menjamin prestasi perkhidmatan dan produktiviti mampu menarik universiti tempatan menjadi 'hub-education'. Pegawai disarankan agar terus meningkatkan penguasaan ilmu supaya lebih 'knowledgeable' pentadbir dan mampu berinteraksi dengan dunia luar.

Pada masa ini sebanyak 41,000 orang pelajar asing sedang melanjutkan pengajian di Malaysia dan usaha sedang giat dijalankan bagi menarik lebih ramai lagi kemasukan mereka terutama di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Atas dasar itulah semua universiti disarankan agar meningkatkan taraf pendidikan (Ph.D.) kemasukan tenaga pengajar atau pensyarah supaya kualiti pengajaran tidak diragui oleh pihak luar.

Kenangan indah peserta juga diakhiri dengan makan tengah hari istimewa dengan Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, YB Dato' Adham Baba di Parlimen.